JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of
Islam And Contemporary Affai

VOL. 6 (1) | JUN 2026: 92-114
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 29 November 2025 Diterima : 30 Mac 2026 Atas Talian: 3 Mei 2026

KEMAHIRAN DU'AT DALAM MENYAMPAIKAN WASILAH DAKWAH KEPADA MUALAF

THE SKILLS OF PREACHERS IN DELIVERING METHODOLOGY DA'WAH TO NEW MUSLIM CONVERTS

i* Aini Sofia Che Daud & ii Berhanundin Abdullah iii Abdul Qahhar Ibrahim

i-iiiFakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampung Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Corresponding Author; e-mail: * ainisofia.rs@gmail.com

DOI: 10.61465/jurnalyadim.v6.242

ABSTRAK

Penyampaian dakwah bukan suatu istilah yang baharu dalam peradaban Islam. Wasilah dakwah dalam Islam juga tidak tertumpu kepada suatu hal yang khusus sahaja. Bahkan dunia modenisasi kini membuka ruang yang lebih luas kepada pendakwah dalam menguasai kemahiran penyampaian wasilah dakwah terutamanya kepada mualaf. Mualaf atau dikenali juga dengan istilah saudara baru merupakan individu yang baharu memeluk agama Islam dan memerlukan pendidikan secara langsung daripada *du'at*. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep wasilah dakwah, konsep mualaf dan kemahiran *du'at*, dalam menyampaikan dakwah kepada mualaf. Kajian ini merupakan kajian berbentuk dokumentasi disertakan dengan dalil-dalil al-Quran, Hadith dan pandangan beberapa pengkaji dakwah berkenaan kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kemahiran *du'at* dalam penyampaian wasilah dakwah kepada mualaf antaranya secara *al-hikmah, al-maw'izzah al-hasanah, al-mujadalah al-husna*, dakwah secara lisan, dan dakwah secara tulisan.

Kata kunci: *kemahiran, du'at, wasilah, dakwah, mualaf*

ABSTRACT

The delivery of da'wah is not a new term in Islamic civilization. The approach or methodology of da'wah in Islam is not limited to just one specific aspect. Even the modern world now opens up wider opportunities for preachers to master the skills of delivering the methodology of da'wah, especially to new converts. New converts, also known as new brothers, are individuals who have recently embraced Islam and require direct education from preachers. Therefore, the objective of this study is to explain the concept methodology of da'wah, concept of new convert in conveying and skills of the preacher to new converts. This study employs a qualitative method, which is documentation research, supplemented with evidence from the al-quran, hadith, and the views of several da'wah experts to new muslim converts regarding this study. The study found that there are several skills of da'wah practitioners in conveying the methodology of da'wah to new muslim converts, including through *al-hikmah, al-maw'izzah al-hasanah, al-mujadalah al-husna*, oral da'wah, and da'wah by writting.

Keywords: *skills, preacher, methodology, da'wah, converts.*

PENGENALAN

Kemahiran *du'at* dalam menyampaikan wasilah dakwah kepada mualaf merupakan suatu kajian yang memerlukan kepada penelitian terhadap beberapa aspek antaranya kemahiran pendakwah, wasilah dakwah dan penerimaan mualaf terhadap penyampaian dakwah. Kemahiran *du'at* merupakan antara faktor tercetusnya kompetensi dalam diri pendakwah yang meliputi tiga perkara utama iaitu kemahiran, pengetahuan dan perilaku pendakwah (Jalal et.al, 2020). Dakwah secara umumnya bermaksud menyeru, mengajak, dan meyakinkan orang lain untuk menerima sesuatu kepercayaan. *Abd Karim Zydan* (1972) menegaskan bahawa dakwah ialah mengajak manusia kepada jalan Allah SWT dengan membimbing *mad'u* kepada jalan kebenaran.

Seterusnya, *du'at* atau pendakwah pula merupakan individu yang bertanggungjawab melaksanakan tugasan dakwah menerusi penyampaian wasilah yang sesuai kepada sasaran dakwah atau dikenali sebagai mualaf dalam kajian ini (*Al-Bayanuni, 2010*). Wasilah ialah sesuatu yang membantu dalam perhubungan, memindahkan sesuatu pengertian atau mesej dari seseorang kepada orang lain dan disebutkan juga sebagai media atau saluran (*Ghalwash*, 1972). Manakala mualaf menurut Siti Rugayah et.al (2014) adalah gelaran bagi individu yang

baharu memeluk agama Islam. Individu yang baharu memeluk Islam atau mualaf ini memerlukan kemahiran *du'at* dalam menyampaikan wasilah dakwah kepada mereka.

Selain itu, penyampaian wasilah dakwah kepada mualaf mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam kalangan pendakwah khususnya ketika sesi penyampaian dakwah berlangsung. Hal ini kerana masih terdapat kekurangan dalam penerapan prinsip dan wasilah al-hikmah dan *al- al-maw'izah al-hasanah* khusus untuk golongan mualaf walaupun amalan ini telah terbukti berkesan dalam konteks secara umum. Berdasarkan kajian Aini Sofia & Berhanundin (2024), menunjukkan penggunaan wasilah dakwah secara *al-hikmah* meningkatkan penerimaan dakwah dalam kalangan mualaf, tetapi aplikasi dalam modul rasmi masih lagi berada di tahap yang rendah dan tidak konsisten. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperincikan secara mendalam berkaitan kemahiran *du'at* dalam menyampaikan wasilah dakwah kepada mualaf dalam perbincangan seterusnya.

PERNYATAAN MASALAH

Sasaran dakwah yang utama dalam kajian ini melibatkan golongan mualaf yang mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan. Justeru itu, golongan mualaf ini memerlukan kepada penyampaian wasilah dakwah yang sesuai dengan situasi, umur, peringkat pengajian, dan latar belakang kehidupan. Perkara yang sering menjadi isu dalam kalangan pendakwah adalah kekurangan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam menyantuni mualaf, ketiadaan latihan khusus, kurang pemahaman mendalam tentang latar belakang mualaf dan penyampaian yang kurang efektif semasa penyampaian dakwah berlangsung. Selain itu, pendakwah juga dilihat kurangnya penilaian keberkesanan dalam kemahiran wasilah dakwah antaranya daripada aspek penggunaan bahasa, rasa empati dan cara mengadaptasi dengan sesuatu budaya yang mana ini merupakan komponen yang penting dalam melahirkan komunikasi yang efektif bersama mualaf (Ismail & Abdul Ghafar, 2019).

Kegagalan dan ketidakberkesanan penyampaian dakwah ini seterusnya akan menyebabkan proses penghayatan dan pembelajaran dalam kalangan mualaf terjejas sehingga terdapat kalangan mualaf yang kembali murtad. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mualaf kembali murtad yang telah disenaraikan oleh pengkaji lepas antaranya adalah tekanan

keluarga, perceraian, masalah ekonomi, tidak terus mendalami Islam setelah memeluk Islam dan tidak mendapat pimpinan yang berterusan dari sudut keilmuan agama Islam (Azhar Yaakub, 2000; Norhafizah, 2002; Nurul Afifah & Siti Aisyah, 2015).

Seterusnya, pendakwah yang tidak memiliki kemahiran secara hikmah dalam penyampaian wasilah dakwah menimbulkan perasaan kurang selesa dan bebanan semasa proses mempelajari agama Islam (Siti Rugayah et.al, 2014). Selain itu, terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kalangan pendakwah yang menyampaikan ilmu Islam tanpa membuat penilaian terhadap pendekatan yang digunakan menyebabkan *output* pengajaran yang disampaikan kurang mencapai matlamat dan sasaran (Raba'ahadawiah et.al, 2022).

Tambahan pula, kepelbagaian latar belakang mualaf yang melibatkan perbezaan budaya, bahasa, pengalaman hidup dan tahap kefahaman agama menuntut kepada pendekatan dakwah yang lebih fleksibel dan bersifat individu. Kegagalan pendakwah dalam menyesuaikan wasilah dakwah mengikut keperluan khusus ini boleh menyebabkan berlakunya jurang komunikasi antara pendakwah dan mualaf, seterusnya mengurangkan keberkesanan penyampaian mesej dakwah. Berdasarkan konteks ini, aspek kepekaan terhadap latar belakang sasaran serta kebolehan menyesuaikan gaya penyampaian menjadi elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh pendakwah agar proses dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berimpak. Perkara ini selari dengan kepentingan elemen komunikasi dan empati dalam memastikan mesej dakwah dapat difahami dan diterima dengan baik oleh mualaf (Ismail & Abdul Ghafar, 2019).

Di samping itu, kekurangan pendedahan kepada latihan yang bersifat praktikal dan berterusan dalam kalangan pendakwah turut menyumbang kepada kelemahan dalam penguasaan kemahiran wasilah dakwah. Tanpa latihan yang sistematik dan berfokus kepada situasi sebenar, pendakwah cenderung menggunakan pendekatan yang bersifat umum dan kurang menepati keperluan semasa mualaf. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keberkesanan penyampaian dakwah, malah boleh menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam sekiranya mesej yang disampaikan tidak jelas atau tidak sesuai dengan tahap kefahaman sasaran. Hal ini juga berkait rapat dengan keperluan penilaian berterusan terhadap

pendekatan dakwah yang digunakan bagi memastikan setiap penyampaian mencapai objektif yang telah ditetapkan (Raba'ahadawiah et.al, 2022).

Seterusnya, kelemahan dalam penguasaan kemahiran wasilah dakwah ini juga boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kestabilan akidah mualaf sekiranya mereka tidak dibimbing dengan pendekatan yang sesuai dan berkesan. Mualaf yang tidak mendapat bimbingan yang berterusan dan bersesuaian berisiko menghadapi kekeliruan serta kesukaran dalam memahami ajaran Islam secara menyeluruh. Keadaan ini akhirnya boleh membawa kepada pengabaian amalan agama atau kembali kepada pegangan asal sekiranya tekanan dan cabaran yang dihadapi tidak ditangani dengan baik. Oleh itu, peranan pendakwah yang memiliki kemahiran wasilah dakwah yang tinggi amat penting dalam memastikan proses pembelajaran dan penghayatan Islam dalam kalangan mualaf dapat berlangsung secara berterusan dan berkesan (Azhar Yaakub, 2000; Nurul Afifah & Siti Aisyah, 2015; Siti Rugayah et.al, 2014)

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah secara pendekatan kualitatif yang mana data kajian dikumpulkan menerusi kaedah dokumentasi. Kaedah kualitatif adalah salah satu daripada teknik dalam penyelidikan konvensional yang menjadi pilihan para pengkaji selain daripada kaedah kuantitatif. Penyelidikan kualitatif ini juga bersifat naratif dan deskriptif yang ditulis secara verbatim iaitu ayat demi ayat tanpa menggunakan unsur statistik (Ghazali & Sufean, 2024). Manakala menurut Taylor et.al (1984), kajian secara kualitatif merupakan satu metod berbentuk deskriptif, kata-kata lisan dan tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat dijadikan penelitian dalam penyelidikan. Justeru itu, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi iaitu mengumpulkan data kajian menerusi dokumen yang terpilih seperti kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis, buku, artikel, jurnal dan beberapa sumber penulisan yang lain. Data yang diperolehi menerusi dokumen dianalisis secara kaedah analisis kandungan iaitu suatu teknik penyelidikan yang dijalankan dengan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data dokumen (Rohana Yusof, 2004).

SOROTAN LITERATURE

Konsep Wasilah Dakwah

Pengertian wasilah dakwah ini dapat disimpulkan sebagai pendekatan atau metodologi penyampaian dakwah dengan menggunakan saluran penyampaian yang pelbagai. Menurut *al-Bayanuni* (1993) wasilah ialah perkara-perkara yang mempengaruhi sasaran yang berbentuk maknawi seperti hal-hal yang bersangkutan dengan hati, pemikiran dan akhlak atau perkara yang mempengaruhi sasaran yang berbentuk fizikal seperti gerak kerja dan alat-alat saluran yang digunakan seperti radio dan masjid. Asas wasilah dakwah ialah apa yang digunakan oleh Rasulullah SAW semasa menyampaikan dakwah Baginda kepada umat Islam (Aini, 2020). Selain itu, menurut *Ghalwash* (1972) wasilah dakwah pada zaman Rasulullah SAW ialah al-Quran al-Karim, al-Hadis al-Nabawi, khutbah Nabi Muhammad SAW, tulisan, pendakwah-pendakwah dari kalangan sahabat dan melalui pengintipan atau peperangan.

Metodologi ialah cara, kaedah, pendekatan, dan lain-lain seumpamanya yang dilakukan secara teratur dan sistematik untuk memudah dan membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah atau mendapat keberkesanannya (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Metod penyampaian wasilah dakwah yang sesuai merupakan faktor kepada berkembangnya sesuatu dakwah. Ini kerana usaha menyebarkan dakwah Islam memerlukan cara atau kaedah yang tertentu. Selain itu, wasilah penyampaian dakwah secara umum pula dapat disempurnakan dengan pelbagai saluran lain seperti dakwah secara tulisan, dakwah secara lisan, dakwah melalui kesenian, dakwah secara *fardiyah*, dakwah secara *jamaah*, dakwah *bi al-hal*, dakwah melalui media massa, dakwah melalui bimbingan, runding cara, kaunseling dan terapi (Ab Aziz Mohd Zin et. al, 2006).

Oleh demikian, pada era gelombang globalisasi dan modenisasi ini, wasilah dakwah tidak terhad pada suatu perkara sahaja. Bahkan dapat memanfaatkan penggunaan teknologi semasa sebagai salah satu wasilah dakwah. Kesedaran perlu diwujudkan dalam diri *du'at* agar meningkatkan kemahiran menguasai wasilah dakwah yang pelbagai ini sebagai medium penyampaian yang berkesan. Hal ini kerana mualaf atau saudara baru merupakan individu yang memerlukan bimbingan langsung daripada pendakwah untuk memahami ajaran Islam dan mengadaptasi amalan kehidupan Islam sebagai agama yang baharu. Penerimaan mualaf

terhadap penyampaian pendakwah memerlukan kepada kemahiran *du'at* yang mampu menguasai wasilah dakwah yang bersesuaian dengan mualaf.

Justeru itu, seiring perkembangan dakwah era modenisasi yang memerlukan kepada pelbagai kemahiran pendakwah, maka perkara ini perlu dipandang secara serius oleh semua pihak. Hal ini disebabkan oleh perkembangan dakwah yang menuntut kepada pelbagai wasilah atau pendekatan yang pelbagai selaras dengan peredaran zaman (Bakar, 2024). Wasilah dakwah kini bukan hanya terikat kepada pendekatan secara tradisional semata-mata bahkan memerlukan kepada pendekatan kontemporari yang dapat memenuhi keperluan sasaran dakwah terutamanya golongan mualaf yang baharu memeluk agama Islam (ASA Hatim & MN Sahad, 2020).

DEFINISI KONSEP MUALAF

Mualaf adalah saudara baharu yang dipujuk dan dijinakkan hati supaya menerima ajaran agama Islam dan menjadikan Islam sebagai panduan hidup mereka. Perkataan mualaf juga telah disebutkan dalam firman Allah SWT menerusi surah *at-Taubah* ayat (9:60) berikut:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦٠

> Maksudnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan kepada ayat di atas, *Sayyid Qutb* (1988) dalam *Tafsir Fi Zilal al-Quran* membahagikan perkataan (وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ) kepada tiga golongan. Golongan pertama ialah golongan mualaf yang baharu sahaja memeluk agama Islam dan diberikan zakat supaya dengan pemberian zakat dapat mengukuhkan pegangan mualaf ini terhadap agama Islam.

Golongan yang kedua pula adalah golongan yang belum memeluk agama Islam dan dengan pemberian zakat dapat melembutkan hati mereka untuk memeluk agama Islam.

Manakala golongan ketiga adalah mualaf yang telah memeluk agama Islam dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, serta diberikan harta zakat supaya dapat menarik orang-orang seperti mereka daripada kalangan kaum mereka untuk memeluk agama Islam. Pemberian zakat kepada mualaf ini menggambarkan kesempurnaan sifat Allah SWT yang memiliki segala kebijaksanaan dalam mengurus tadbir urus setiap aspek kehidupan manusia. Pemberian zakat ini juga jelas menunjukkan bahawa mualaf merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian dalam agama Islam (Noreha Che Abah et al, 2019).

Selain itu, seseorang yang telah memeluk agama Islam dari agama sebelumnya adalah dikenali sebagai mualaf. Penggunaan istilah atau gelaran mualaf ini telah menjadi satu kebiasaan atau norma dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Istilah ini juga sering digunakan oleh masyarakat dalam mendefinisikan seseorang yang baharu memeluk agama Islam berbanding penggunaan istilah saudara baru dan saudara muslim (Azman Ab Rahman et al, 2020 & Noraini et al, 2017). Meski begitu, terdapat juga golongan yang baru memeluk agama Islam ini lebih selesa digelar sebagai saudara Muslim atas faktor merasakan panggilan tersebut lebih mesra dan dekat dengan hati mereka sebagai seorang yang sudah beragama Islam (Irwan e tal, 2015). Kemudian menurut kajian Abdul Ghafar e tal, (2017) menyatakan bahawa terdapat juga masyarakat Malaysia umumnya menggelar orang yang baharu memeluk agama Islam sebagai mualaf.

Namun, ada ketikanya juga mereka yang baru memeluk agama Islam ini digelar sebagai ‘saudara baharu’ iaitu gelaran yang lebih umum bagi bangsa Cina, India dan bangsa-bangsa lain yang memeluk agama Islam. Azman et al, (2015) pula mendapati bahawa ada juga ulama-ulama terdahulu tidak meletakkan had tempoh tertentu bagi seseorang yang baharu memeluk agama Islam digelar sebagai mualaf. Menerusi konteks Malaysia pula, had tempoh gelaran mualaf antara negeri-negeri di Malaysia tiada keselarasan tetap yang diberikan. Hal ini kerana, terdapat sesetengah negeri yang menetapkan had tempoh tersebut dan terdapat juga sesetengah negeri yang tidak menetapkan had tempoh gelaran mualaf ini (Azman et al, 2015).

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran Du'at Dalam Penyampaian Wasilah Dakwah

Berdasarkan kepada rukun dakwah, pendakwah adalah teras utama dalam menentukan kejayaan dakwah yang dijalankan (*Zaydan*, 1972). Pendakwah adalah golongan yang dipertanggungjawab dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan pelbagai wasilah dan pilihan pendekatan yang baik. Pemilihan wasilah yang sesuai dengan sasaran dakwah akan memberikan kesan berpanjangan kepada sasaran dakwah terutamanya kepada golongan mualaf. Golongan mualaf umpama bayi yang baharu dilahirkan suci bersih daripada dosa dan pendakwah yang bertanggungjawab dalam mencorakkan mereka dengan ajaran agama Islam. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW, kegiatan dakwah dipertanggungjawabkan ke atas setiap pendakwah mengikut kemampuan masing-masing dalam menyampaikan dakwah. Hal ini sebagaimana hadis sahih al-Muslim berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الخُدْرِيِ رَضِيَ الله عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ الله صلى الله عليه وسلم يَقُوْلُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ ايْمَانِ— رواه مسلم.

> Bermaksud, "Dari *Abi Sa'id al-Khudri radiyallahu 'anh* katanya: Aku dengar Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam* bersabda: Barangsiapa di antara kamu yang melihat akan kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika sekiranya dia tiada kuasa, maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya. Jika sekiranya dia tiada juga berkuasa, maka hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya. Demikian itu (iaitu mengubah dengan hati) adalah selemah-lemahnya iman. Diriwayatkan oleh Muslim" *(al-Muslim, Ṣahīh Muslim, Kitāb al-Īmān Bāb Bayan Kaun al-Nahyi ᶜan al-Munkar min al-Īmān, no. hadis 70, hlm 167).*

Justeru itu, tanggungjawab pertama adalah pendakwah perlu mempunyai pelbagai kemahiran sebelum terjun ke lapangan medan dakwah yang luas ini. Terdapat beberapa kemahiran dakwah yang diperincikan oleh pengkaji antaranya adalah kemahiran memiliki

ilmu pengetahuan. Kemahiran yang utama adalah memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam disamping mempertingkatkan usaha dakwah seperti memperdalami kepakaran masing-masing, membaca dan menghasilkan karya penulisan, melakukan penyelidikan dan berdiskusi dengan adab yang ditetapkan oleh Islam (Normaisarah, 2019).

Demikian juga pandangan ulama terkemuka *Yusof al-Qaradawi* (1996), beliau menegaskan supaya pendakwah menguasai ilmu pengetahuan berteraskan ajaran Islam (*al-thaqafah al-Islamiyyah*), pengetahuan yang berteraskan kemanusiaan (*al-thaqafah al-Insaniyyah*) dan mengambil perhatian terhadap realiti kehidupan masyarakat yang pelbagai sifat. Oleh demikian, antara pengetahuan tentang wasilah dakwah dalam penyampaian adalah sebagaimana yang telah digariskan oleh firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 125 berikut:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

> Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Sayyid Qutb (2005) menerusi kajian Fariza et.al (2016) telah menerangkan bahawa ayat tersebut menjadi asas utama dalam menyampaikan dakwah. Beberapa komponen yang dinyatakan dalam ayat di atas antaranya kaedah-kaedah dakwah, saranan-saranan dakwah dan cara-cara memperjuangkan gerakan dakwah. Selain itu, ayat ini telah menjadi garis peraturan dalam berdakwah kepada Rasulullah SAW dan pendakwah yang lain supaya menyebarkan dan menyampaikan agama Islam dengan wasilah yang terbaik.

Selain itu, surah *al-Nahl* ayat 125 ini juga menjadi perbahasan dalam penyampaian wasilah dakwah yang sepatutnya dilaksanakan oleh pendakwah kepada masyarakat dan khususnya mualaf. Wasilah dakwah yang dinyatakan berhubung dengan cara, pelaksanaan, dan kaedah dalam proses penyampaian dakwah. Wasilah dakwah yang telah ditekankan

dalam ayat tersebut adalah dakwah secara *al-hikmah, al-mawʿizah al-hasanah* dan *al-mujadalah al-husna*. Ketiga-tiga wasilah ini sesuai untuk diaplikasikan sepanjang zaman dan tempat. Sebahagian pengkaji ilmu dakwah pula mengatakan ketiga-tiga uslub ini dikenali sebagai *'manhaj rabbaniyah'*. Apa yang dimaksudkan dengan *'manhaj rabbaniyah'* adalah merujuk kepada metodologi yang bersumberkan wahyu Allah SWT yang sangat pasti dan mutlak kebenarannya (Zulkiple Abd Ghani, 2010).

- **Wasilah Dakwah Secara *Al-Hikmah***

Penyampaian wasilah dakwah yang pertama adalah secara *al-hikmah*. Penerangan konsep *al-hikmah* ini telah dinyatakan oleh Allah SWT menerusi surah al-Nahl ayat 125 yang menuntut agar dakwah disampaikan dengan menggunakan wasilah *al-hikmah*. Tuntutan ini menyeru supaya *du'at* mampu menyemai konsep *al-hikmah* dalam setiap penyampaian mereka baik dari segi tutur kata, perbuatan atau amalan. Perkataan *Al-hikmah* berasal daripada perkataan *hakama* yang membawa maksud memutuskan ketetapan. *Al-hakam* pula didefinisikan dengan perkataan *al-Qada'* iaitu keputusan. Manakala perkataan *al-hakim* ialah orang yang membuat sesuatu keputusan dan benar-benar memahami tentang sesuatu perkara dan melakukannya dengan penuh teliti (Nor Raudah, 2013).

Kata *al-hikmah* juga merujuk kepada *al-'ilm* iaitu orang yang mempunyai hikmah dalam melakukan sesuatu perkara yang halus dan rumit dengan penuh kualiti dan teliti. *Al-hikmah* ini juga menjelaskan tentang makna meletakkan sesuatu pada tempat yang sesuai, berlaku adil dalam merumuskan sesuatu keputusan, serta menekankan budaya kerja dengan sifat *al-'itqan*. Setiap tindakan yang dilakukan dengan sikap *al-hikmah* akan menghasilkan keluhuran luhur budi pekerti, mengerahkan akal yang cemerlang, menggerakkan kebaikan serta menghalang kerosakan dalam diri sendiri, masyarakat dan negara (Nor Raudah, 2013).

Penyampaian dakwah menerusi kaedah *al-hikmah* merupakan satu konsep yang perlu digunakan oleh pendakwah dalam proses penyampaian dakwah kepada seluruh manusia terutamanya kepada golongan mualaf (Aini Sofia & Berhanundin, 2024). Menurut pengertian bahasa yang mudah, hikmah ialah bijaksana. Para pendakwah dianggap orang yang mempunyai hikmah kebijaksanaan sekiranya penjelasan dan pengajaran yang diberi adalah

terang dan jelas dalam penyampaian mereka (Aini Sofia, 2020). Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah *Yasin* ayat 17 berikut:

وَمَا عَلَيۡنَآ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ١٧

> Maksudnya, "Dan kewajipan kami tidak lain hanyalah menyampaikan (pengajaran) dengan jelas".

Berdakwah dengan hikmah bermaksud berdakwah dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang bersifat *'ihkam'* (jitu, tepat, mantap, sahih) bersesuaian dengan keperluan sasaran dan meninggalkan kesan ketakwaan yang mendalam kepada mereka (Zulkiple Abd Ghani, 2010). Selain itu, *Al-Bayanuni* (2010) menyatakan konsep *al-hikmah* ialah melakukan pemilihan terhadap isi penyampaian atau pendekatan isi penyampaian dakwah, menggunakan uslub (gaya bahasa) dengan makna yang khusus atau menggunakan bentuk persembahan isi yang baik dan melakukan pemilihan saluran atau media yang sesuai dengan sasaran dakwah.

Keberkesanan wasilah dakwah secara *al-hikmah* ini sebagaimana kajian Mohd Jainudin et al (2025) dalam kajian yang bertajuk "Penerapan Elemen al-Hikmah Terhadap Saudara Baru di Malaysia Menerusi Organisasi Islam" menegaskan lima amalan penting dalam menggunakan *al-hikmah* kepada mualaf melalui NGO dan agensi Islam antaranya ialah berkata lemah lembut & sopan, menjadi teladan yang baik, memahami situasi mualaf dan persekitaran mualaf, menyampaikan ilmu secara bertahap dan menggunakan pendekatan "*targhib wa tarhib*". Selain itu juga, terdapat beberapa cara yang dapat dilakukan oleh pendakwah dalam melaksanakan wasilah dakwah secara *al-hikmah* ini antaranya sebagaimana jadual berikut:

WASILAH *AL-HIKMAH*	**IMPLEMENTASI DALAM DAKWAH MUALAF**
Kelembutan bahasa & adab sopan	Pendekatan secara personal dengan tidak memalukan mualaf dan menggunakan komunikasi sopan supaya diterima baik oleh mualaf.
Contoh melalui tindakan	Pendakwah sendiri mencontohi amalan solat, adab dan gaya hidup islamik dengan pendekatan secara dakwah *bi al-hal.*

WASILAH *AL-HIKMAH*	**IMPLEMENTASI DALAM DAKWAH MUALAF**
Targhib wa tarhib	Menggunakan pendekatan dakwah dengan menggabungkan rayuan rohani *(targhib)* dan ingatan serta halangan *(tarhib)* sekitar maqasid dakwah.
Sensitiviti budaya/latar	Pendakwah perlu mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap latar sosial mualaf dari sudut bahasa, adat dan latar keluarga dijadikan asas penyesuaian ilmu.
Pendekatan berperingkat	Menyusun silibus mengikut tahap pemahaman mualaf bermula daripada peringkat asas → praktikal → pemantapan.
Intervensi jangka panjang	Bimbingan berterusan melalui guru atau mentor yang memahami cabaran mualaf, pertemuan berperingkat, dan bukan sesi sekali saja .

(Sumber: Pengkaji, 2025)

Berdasarkan jadual di atas, wasilah al-hikmah dalam dakwah mualaf menuntut pendekatan yang menekankan kelembutan bahasa, adab sopan serta hubungan interpersonal yang berteraskan empati dan penghormatan terhadap individu. Pendakwah berperanan membina kepercayaan melalui komunikasi yang tidak menghakimi dan tidak memalukan, selari dengan keperluan psikologi mualaf yang sedang melalui fasa penyesuaian identiti. Pendekatan ini diperkukuhkan melalui dakwah *bi al-hal*, iaitu penzahiran nilai Islam melalui teladan amalan harian seperti solat, akhlak dan gaya hidup, yang membolehkan mualaf memahami ajaran Islam secara praktikal dan kontekstual, bukan sekadar bersifat teoritikal.

Selain itu, pengaplikasian *targhib wa tarhib* dalam dakwah mualaf perlu dilaksanakan secara seimbang dan berhikmah dengan memberi keutamaan kepada unsur galakan pada peringkat awal bagi membina kecintaan terhadap Islam, sebelum diperkenalkan secara beransur-ansur aspek peringatan dan tanggungjawab. Pendekatan ini turut disokong oleh keperluan sensitiviti terhadap latar belakang budaya, bahasa dan pengalaman hidup mualaf, di mana pendakwah perlu menyesuaikan kandungan serta kaedah penyampaian agar selari dengan konteks sosial mereka. Hal ini memastikan dakwah yang disampaikan bersifat inklusif, relevan dan tidak bercanggah dengan realiti kehidupan sasaran.

Di samping itu, keberkesanan dakwah mualaf turut bergantung kepada pendekatan berperingkat yang disusun secara sistematik bermula daripada asas, diikuti dengan aplikasi praktikal dan seterusnya pemantapan kefahaman. Pendekatan ini mencerminkan prinsip tadarruj yang menekankan proses pembelajaran secara beransur-ansur bagi mengelakkan bebanan kognitif dan kekeliruan. Pada masa yang sama, intervensi jangka panjang melalui bimbingan berterusan oleh mentor atau guru menjadi elemen kritikal dalam memastikan kelangsungan pengukuhan iman dan penyesuaian sosial mualaf. Justeru, keseluruhan pendekatan ini memperlihatkan bahawa wasilah al-hikmah dalam dakwah mualaf bersifat holistik, berfokus kepada pembangunan individu secara menyeluruh dan menekankan kesinambungan proses dakwah.

Oleh demikian, jelas bahawa kemahiran *du'at* dalam menyampaikan wasilah dakwah secara *al-hikmah* ini mempunyai keberkesanan kepada mualaf. Hal ini menimbulkan rasa cinta dan menarik minat mualaf supaya menerima Islam dengan lebih mudah dan mendalam. Pelaksanaan wasilah *al-hikmah* ini merupakan cerminan oleh *du'at* dalam membentuk sakhsiah mualaf yang berperibadi unggul sekaligus menunjukkan betapa syumulnya Islam dengan mendatangkan pelbagai manhaj pengajaran dalam penyampaian dakwah kepada masyarakat umumnya dan khusus kepada mualaf itu sendiri.

- **Wasilah Dakwah Secara *Al-Maw'izah Al-Hasanah***

Seterusnya, wasilah dakwah yang kedua adalah secara *al-maw'izah al-hasanah* iaitu memberikan nasihat dan pengajaran yang baik. Perkataan *al-maw'izah al-hasanah* diambil daripada perkataan *al-wa'az* yang bererti wasiat dan perintah. Menurut al-Fayumi al-Muqri (1978), *maw'izah* pula ialah nama kepada peringatan tersebut. Al-Aluri (1979) mengatakan perkataan *al-wa'az* bererti memberi nasihat dengan baik dan cara yang boleh menarik hati sasaran serta menggunakan uslub yang boleh diterima kebenaran dan diamalkan. Nasihat yang baik itu ialah pengajaran atau nasihat yang baik yang boleh memberi kesedaran serta dapat menghindarkan manusia daripada keburukan (Nor Raudah, 2013). Kaedah ini memerlukan kemahiran pendakwah yang mempunyai komunikasi yang baik dengan mualaf. Komunikasi adalah suatu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertukaran idea,

maklumat, dan perasaan melalui pergerakan isyarat simbol atau pertuturan sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan suasana dan persekitaran yang diharapkan antara penyampai (pendakwah) dengan penerima (sasaran dakwah) (Zulkefli & S.Salahudin 2016).

Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai kisah dakwah dapat dilihat berdasarkan aspek komunikasi ini yang telah ditonjolkan oleh para rasul dan dapat dijadikan teladan kepada pendakwah (Zulkiple Abd Ghani, 2010). Hal ini tergambar dalam kisah Nabi Musa AS dan Nabi Harus AS yang telah diperintahkan oleh Allah SWT supaya memujuk Firaun yang keras hati dan sombong dengan kata-kata lemah lembut. Perkara ini jelas sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Taha* ayat 44 berikut:

فَقُولَا لَهُۥ قَوۡلٗا لَّيِّنٗا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوۡ يَخۡشَىٰ ٤٤

> Maksudnya: “Kemudian hendaklah kamu berdua berkata kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lembut semoga dia mengambil ingatan atau berasa takut”.

Oleh demikian, dalam menyempurnakan penyampaian wasilah *al-mawʿizah al-hasanah* pendakwah perlu mempunyai komunikasi yang baik supaya dalam memberi kefahaman kepada mualaf dalam mempelajari agama Islam. Pendakwah juga perlu mempunyai susunan kata-kata yang lunak, lemah-lembut, tergambar di dalam keikhlasan sehingga jiwa sasaran terusik dan tertarik dengan ajaran agama Islam (Aini Sofia, 2020). Hal ini kerana menurut Zulkefli dan S.Salahudin (2016), bidang dakwah dan komunikasi adalah dua bidang yang mempunyai gandingan serasi. Kesemua aktiviti dakwah dimulakan dengan proses komunikasi baik secara lisan atau bukan lisan. Oleh itu, pendakwah perlu diperlengkapkan dengan kemahiran berkomunikasi ketika berinteraksi dengan sasaran dakwah lebih-lebih lagi kepada mualaf yang lembut hatinya (Zulkefli & Ab. Ghafar, 2020).

Berikut merupakan analisis pelaksanaan wasilah *al-mawʿizah al-hasanah* dalam dakwah kepada mualaf di Malaysia.

ASPEK PENILAIAN	DAPATAN KAJIAN	TAHAP PELAKSANAAN	SUMBER
Kefahaman pendakwah terhadap wasilah *al-mawʿizah al-hasanah*	Ramai pendakwah memahami konsep nasihat yang baik, namun kurang terlatih secara formal dalam psikologi dakwah dan komunikasi berempati.	Sederhana	Abdul Ghafar et al. (2023)
Kepuasan mualaf terhadap pendekatan dakwah	Kajian menunjukkan mualaf lebih terbuka kepada pendekatan yang tidak menghakimi dan menyentuh emosi, namun ianya tidak menjadi norma utama.	Sederhana	Yasmoon, M. et al. (2019)
Latihan profesional dalam komunikasi dakwah	Hanya segelintir pendakwah mualaf diberi pendedahan dalam bidang komunikasi interpersonal atau kaunseling Islamik.	Rendah	Aini Sofia & Berhanundin (2024).

(Sumber: Pengkaji, 2025)

Berdasarkan jadual di atas, aspek kefahaman pendakwah terhadap wasilah *al-mawʿizah al-hasanah* menunjukkan bahawa majoriti pendakwah telah memiliki pemahaman asas berkaitan konsep nasihat yang baik dalam dakwah. Namun demikian, dapatan kajian memperlihatkan bahawa kefahaman tersebut masih bersifat umum dan belum diperkukuhkan melalui latihan formal khususnya dalam bidang psikologi dakwah dan komunikasi berempati. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan pendekatan nasihat yang berkesan tidak dapat diaplikasikan secara optimum dalam situasi sebenar, sekali gus meletakkan tahap pelaksanaannya pada aras sederhana sebagaimana yang dilaporkan oleh Abdul Ghafar et al. (2023).

Selain itu, dari sudut kepuasan mualaf terhadap pendekatan dakwah, kajian menunjukkan bahawa golongan ini lebih cenderung menerima pendekatan yang bersifat tidak menghakimi, lembut serta menyentuh aspek emosi dan pengalaman hidup mereka. Walau bagaimanapun, pendekatan sedemikian masih belum menjadi amalan dominan dalam kalangan pendakwah, yang sebahagiannya masih menggunakan pendekatan konvensional yang lebih bersifat penyampaian maklumat semata-mata. Justeru, walaupun terdapat kecenderungan positif dalam penerimaan mualaf, tahap pelaksanaan pendekatan ini kekal pada tahap sederhana sebagaimana dinyatakan oleh Yasmoon, M. et al. (2019).

Seterusnya, aspek latihan profesional dalam komunikasi dakwah menunjukkan jurang yang lebih ketara apabila hanya sebahagian kecil pendakwah, khususnya yang terlibat secara langsung dengan mualaf, menerima pendedahan formal dalam bidang komunikasi interpersonal atau kaunseling Islamik. Kekurangan latihan ini memberi implikasi terhadap keupayaan pendakwah untuk mengurus interaksi secara efektif, terutama dalam menangani isu sensitif yang melibatkan emosi, konflik identiti dan cabaran sosial mualaf. Oleh itu, tahap pelaksanaan dalam aspek ini dinilai rendah berdasarkan dapatan Aini Sofia dan Berhanundin (2024).

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga aspek ini memperlihatkan bahawa walaupun terdapat asas kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan pendekatan *al-mawʿizah al-hasanah*, pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Kekangan utama dikenal pasti berpunca daripada keterbatasan latihan profesional serta kurangnya penekanan terhadap kemahiran komunikasi berasaskan empati dalam dakwah. Hal ini menunjukkan keperluan kepada penambahbaikan yang lebih sistematik melalui pembangunan kapasiti pendakwah agar pendekatan dakwah yang dilaksanakan benar-benar selari dengan keperluan dan realiti mualaf.

Oleh demikian, jelas bahawa pendekatan dakwah secara wasilah *al-mawʿizah al-hasanah* mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam melahirkan kemahiran du'at yang berpotensi tinggi dalam penyampaian dakwah kepada mualaf. Nasihat yang baik atau wasilah *al-mawʿizah al-hasanah* ini bukan sahaja boleh diaplikasikan kepada golongan mualaf sahaja,

namun boleh diterapkan kepada seluruh masyarakat agar penyampaian *du'at* diterima dengan baik dan memberikan kesan yang mendalam dalam jiwa *mad'u.*

- **Wasilah Dakwah Secara *Al-Mujadalah Al-Husna***

Manakala wasilah penyampaian dakwah yang ketiga adalah secara *al-mujadalah al-husna* iaitu melakukan penyampaian secara perbahasan, perbincangan, perdebatan dan muzakarah. *Al-mujadalah* berasal daripada perkataan *jadala* yang bermaksud simpulan yang amat kuat (*Ibnu Manzur*, 1968). Manakala menurut *Ibnu Kathir*, *al-mujadalah* bermaksud *al-munazarah* (berdialog) iaitu bersama-sama mengemukakan pendapat dan pandangan. *'Abd al-Karim Zaydan* (1976) pula menyatakan bahawa *al-mujadalah* dalam konteks dakwah memerlukan kepada penggunaan kata-kata yang baik dan mengelak kata-kata yang negatif dan kasar. Sebarang perdebatan secara *al-mujadalah al-husna* perlu berlandaskan bukti-bukti fakta dan tafsiran yang kuat untuk mencari kebenaran (Aini Sofia, 2020).

Metod *al-mujadalah al-husna* ini memerlukan kepada pendakwah yang mahir dalam komunikasi dan perdebatan serta mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dalam hujah yang dibincangkan. Contoh pendakwah yang mempunyai kemahiran dalam dakwah *al- al-mujadalah al-husna* adalah Syeikh Ahmed Hoosen Deedat al-Hafiz dan Dr. Zakir Abdul Karim Naik. Pendakwah juga perlu menguasai topik perbincangan secara mendalam terutama untuk mempertahankan kebenaran ajaran Islam dan membatalkan hujah-hujah pihak penentang. Selain itu, pendakwah perlu mengawal ketenangan emosi dengan tidak merendah dan menghina pihak lawan serta bersifat matang dalam menggunakan wasilah *al-mujadalah al-husna* ini. Hal ini kerana, objektif utama wasilah *al-mujadalah al-husna* ialah mencari, menemui dan menegakkan kebenaran (Zulkiple Abd Ghani, 2010).

Secara kesimpulannya, jelas bahawa kemahiran du'at dalam penyampaian wasilah dakwah mempunyai kepentingan tertentu dalam menegakkan agama Islam. Pelbagai kemahiran yang dapat dinyatakan namun pengkaji hanya membataskan kepada kemahiran ilmu pengetahuan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyampaian wasilah dakwah secara *al-hikmah, al-maw'izah al-hasanah* dan *al-mujadalah al-husna*. Wasilah dakwah ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Nahl dan merupakan suatu arahan kepada

seluruh pendakwah supaya menggunakan wasilah dakwah yang betul semasa proses penyampaian.

KESIMPULAN

Kajian berbentuk kualitatif secara dokumentasi ini telah memperincikan beberapa perkara tentang kemahiran *du'at* dalam menyampaikan wasilah dakwah kepada mualaf. Konsep wasilah dan konsep mualaf merupakan dua indikator penting dalam melengkapkan kemahiran *du'at* sebelum turun ke lapangan dakwah dalam menyantuni mualaf. Pemahaman yang baik terhadap konsep wasilah dan latar belakang mualaf membantu pendakwah supaya menggunakan kemahiran wasilah dakwah yang sesuai dengan sasaran dakwah. Justeru itu, pengkaji telah menyatakan beberapa kemahiran *du'at* antaranya kemahiran memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, kemahiran komunikasi yang baik, serta kemahiran menguasai wasilah dakwah yang telah dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 125. Terdapat tiga wasilah dakwah yang dapat digunakan oleh pendakwah dalam menjayakan dakwah mereka iaitu *al-hikmah, al-maw'izah al-hasanah* dan *al-mujadalah al-husna*.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan para pensyarah. Penulis mengharapkan penulisan ini dapat menjadi rantaian dakwah dalam membangunkan agama Islam. Jutaan terima kasih juga kepada YADIM yang sudi menerbitkan penulisan penulis ini dan menjadikan artikel ini sebagai rantaian mata dakwah dalam menyebarkan agama Islam.

RUJUKAN

'Abd al-Karim Zaydan. (1972). *Usul al-Da'wah*, Cet. 2. Baghdad. Matba'ah Salman al-Azmi.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Ghafar Hj. Don, Anuar bin Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2017). *Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru di dalam Dakwah Pelbagai Dimensi.* Abdul Ghafar Hj. Don & Ahmad Irdha Mokhtar (Penyunting). Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P. 102-110.

Ahmad Ghalwash. (1972). *Al-Da'wah fi 'Asr al-Nubuwwah*. Kaherah. Al-Madani.

Aini Sofia Che Daud & Berhanundin Abdullah. (2024). *The Role Of Preachers Based On The Concept Of Al-Hikmah Towards New Muslim Converts: A Preliminary Review From The Perspective Of The Al-Quran*. Jurnal Yadim | Vol. 4 (1) | Jun 2024: 76-95. E-ISSN: 2785-8898.

Aini Sofia Che Daud. (2020). *Persepsi Da'I Terhadap Kerelevanan Dan Penyampaian Mawdu' Dakwah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Kepada Mualaf*. Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Kuala Terengganu.

Al-Aluri, Adam 'Abd Allah. (1979). *Tarikh Al-Da'wah Al-Islamiah Baina Al-Ams Ila Al-Yawm*. Maktabah Wahbah. Kaherah.

Al-Bayanuni, *Muhammad Abu al-Fath*. (1993). *Al-Madkahl Ila 'Ilm al-Dakwah*. Al-Risalah, Beirut.

Al-Bayanuni, Muhammad Abu Al-Fath. (2010). al-Madkhal Ila 'Ilmi al-Da'wah. Al-Resalah Al-A'lamiah LTD. Beirut.

Al-Fayumi al-Muqri, Ahmad bin Muhammad bin Ali. (1978). *Al-Misbah al-Munir*. Lubnan: t.p.

ASA Hatim & MN Sahad. (2020). *Pendekatan Dakwah Kontemporari Melalui Kesenian*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 134-148.

Azhar Yaakub. (2000). *Sebab-Sebab Saudara Baru Menjadi Murtad* (Tesis, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Azman Ab Rahmani, Nur Ain Syafiqah Rahmati, Muhd Faiz Abd. Shakori, Nurul Shazwani Nordini & Mohamad Anwar Zakaria. (2020). *Sorotan Literatur Kajian Modul Pengajian Mualaf di Malaysia*. Syariah & Law Discourse. E-Prosiding [eISSN: 2710-6462]. Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 1/2020.

Azman Ab Rahmani, Nurul Shazwani Nordini, Nur Ain Syafiqah Rahmati, Muhammad Faiz Abd Shakori & Mohamad Anwar Zakaria. (2020). *Sorotan Literatur Kajian Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf di Malaysia*. Syariah & Law Discourse. E-Prosiding [eISSN: 2710-6462] Diskusi Syariah dan Undang-undang: Siri 1/2020.

Bakar, M. A. A. (2024). *Khutbah Sebagai Wasilah Dakwah Kontemporari*. In *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah* (Vol. 2024, p. 5).

Fariza Hanan Muhamad, Kalthom Husain & Puziah Abdul Wahab (2016). *Uslub Dakwah Menurut Perspektif Al-Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2.* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2024). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Penerbit Universiti Malaya.

Ibtisam Ibrahim & Berhanundin Abdullah. (2023). *Pendekatan Kemahiran Komunikasi Pendakwah Profesional.* International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH), 3(3), 41-52.

Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Ismail, N. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 6, 111-134.

Ismail Naim Abdullah & Abdul Ghafar Hj. Don (2019). *Kepentingan Aspek Pengetahuan & Kemahiran dalam Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli*. *Jurnal Al-Hikmah.*

Jalal, B., Ab Ghani, S., Ismail, A. S., & Saudi, S. (2020). *Pengurusan Dakwah Organisasi: Kompetensi Pendakwah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia*. Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities, 3(2), 79-92.

Mohd Jainudin Mohd Peran, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Zulkefli Aini. 2025. *Penerapan Elemen al-Hikmah Terhadap Saudara Baru di Malaysia Menerusi Organisasi Islam*. QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research.5(1), 35-46.

Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah.* Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid, & Omar, A. N. (2017). *Metodologi Pengajaran Mualaf Di Institusi Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 4(2), 215-233.

Noreha Che Abah, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin (2019). *Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal AL-ANWAR, Vol 8 (2), 1-13.

Norhafizah bt Musa. (2002). *Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Klang"* (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Normaisarah Othman. (2019). *Budaya Ilmu dalam Kalangan Pendakwah di Bandar Baru Bangi Selangor.* Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.

Nurul Afifah Bt. Musameh & Siti Aisyah Bte Hadi Munir. (2015). *Isu Murtad Dalam Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian di Negeri Selangor*.

Othman, S. M. F. S., Hamzah, R., Muhaimin, A., & Rahman, A. A. (2023). *Pemerkasaan Pendakwah Mualaf Dengan Ilmu Kecerdasan Spiritual Di MUIP.* International Journal of Modern Education, 5 (19), 191-207.DOI:10.35631/IJMOE.519014

Raba'ahadawiah Ahmad@Yunus, Ezani bin Yaacob, Amiratul Munirah Yahaya. (2022). *Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Guru Pembimbing Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) di Selangor*. Journal of Contemporary Islamic Studies Vol. 8, Issue 1 (2022) 171-188 https://doi.org/10.24191/jcis.v8i1.8

Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.

Sayyid Qutb. (1998). *Fi Zilal al-Quran, j.3*. Kaherah. Dar al-Mashruq.

Siti Rugayah Hj Tibek, Fariza Md Sham & Muhammad Hilmi Jalil. (2014). *Pembangunan Dakwah Mualaf.* Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings.* Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

Yusuf Al-Qaradawi. (1996). *Thaqafah al-Da'iyah*. Cetakan ke 10. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Zulkefli Aini & Abdul Ghafar Don. (2020). *Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 083-100.

Zulkefli Aini & S.Salahudin Suyurno. 2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkiple Abd Ghani. (2010). *Dakwah Dalam Era Siber.* Universiti Sains Islam Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.